



Pengakuan dan Terma dan Syarat
Deposit Tetap/Deposit Bertempoh melalui
Elektronik (AmOnline)
(Berkuatkuasa Jul 2025)



PERINGATAN: Pemohon dinasihatkan supaya membaca dan memahami semua terma dan syarat permohonan ini. Jikalau Pemohon tidak memahami sebarang terma dan syarat yang dinyatakan di bawah, Pemohon dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan daripada kakitangan Bank atau wakil Bank yang sah.

1.0 Terma dan Syarat Khusus

- 1.1 Terma dan Syarat ini khusus untuk Deposit Tetap/Deposit Bertempoh melalui Elektronik (AmOnline) dan hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan, Terma dan Syarat Khusus untuk Deposit Bertempoh Berasaskan Komoditi *Murabahah* (hanya digunakan untuk Deposit Bertempoh sahaja) dan Terma dan Syarat Khusus bagi Pemindahan Dana Masuk melalui Perkhidmatan Pertukaran Proses Kewangan (FPX) di AmOnline.
- 1.2 Penempatan Deposit Tetap/Deposit Bertempoh melalui AmOnline digunakan untuk pemegang akaun individu/Bersama.
- 1.3 Pengeluaran Deposit Tetap/Deposit Bertempoh melalui AmOnline hanya dibenarkan bagi Deposit Tetap/Deposit Bertempoh yang dibuat melalui AmOnline.
- 1.4 Jumlah yang dikeluarkan akan dikreditkan ke Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan untuk akaun bersama, ia akan dikreditkan ke Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i yang didebitkan semasa penempatan Deposit Tetap/Deposit Bertempoh.
- 1.5 Deposit Tetap/Deposit Bertempoh yang dikeluarkan sebelum tarikh matang **TIADA** faedah/keuntungan akan dibayar.
- 1.6 Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan semua pihak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif pengadilan Malaysia.

2.0 Pengakuan

- 2.1 Saya/Kami mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan kepada AmBank (M) Berhad [No. Pendaftaran Syarikat: 196901000166 (8515-D)]/AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran Syarikat: 199401009897 (295576-U)] ("**Bank**") adalah betul dan tepat.
- 2.2 Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan yang mengatur operasi dan/atau pengendalian akaun, dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan yang sama dan sebarang pindaan terhadap sama yang kemudiannya diperkenalkan oleh Bank. Bank akan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar untuk sebarang pindaan yang dibuat. Saya/kami bersetuju untuk terikat dengan pindaan yang dibuat sekiranya saya/kami terus menggunakan perkhidmatan dua puluh satu (21) hari kalendar setelah diberitahu tentang pindaan tersebut.
- 2.3 Saya/Kami tidak muflis semasa membuka akaun.
- 2.4 Saya/Kami akan mematuhi semua syarat Bank untuk membuka akaun dan memahami bahawa pembukaan akaun Bank akan dikenakan kepada Bank untuk melakukan pengesahan yang diperlukan. Bank berhak menutup akaun saya/kami mengikut budi bicaranya jika akaun saya/kami tidak mematuhi kehendakan Bank dengan pemberitahuan sebelumnya (rujuk Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan).
- 2.5 Saya/Kami mengesahkan bahawa Bank diberi kuasa untuk mengesahkan sebarang maklumat yang diberikan oleh saya/kami dan untuk mendapatkan maklumat berkaitan saya/kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat kredit dari pihak ketiga yang berkaitan.
- 2.6 Saya/Kami bersetuju untuk memeriksa penyata akaun yang dihantar kepada saya/kami dan memberitahu Bank mengenai sebarang kesalahan, penyelewengan dan/atau percanggahan dalam penyata akaun tersebut dan juga memberitahu Bank jika saya/kami gagal menerima penyata akaun tersebut.
- 2.7 Saya/Kami telah membaca dan memahami Lembaran Penyataan Produk seperti yang dinyatakan di laman sesawang Bank di <https://www.ambank.com.my/contact-centre/pds> → Deposit.
- 2.8 Saya/Kami telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Khusus untuk Deposit Bertempoh Berasaskan Komoditi *Murabahah* seperti yang dinyatakan dalam laman sesawang Bank di <https://www.ambank.com.my/terms-and-conditions> → Deposits → Retail (hanya digunakan untuk Deposit Bertempoh sahaja).
- 2.9 Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk melantik AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran Syarikat: 199401009897 (295576-U)] sebagai ejen saya/kami untuk pembelian Komoditi dengan Harga Pembelian mengikut Terma dan Syarat Khusus bagi Komoditi *Murabahah*-Berasaskan Deposit Bertempoh. Saya/Kami dengan ini melantik Bank sebagai ejen saya/kami terhad hanya untuk menyimpulkan penjualan Komoditi dan mengadakan, bagi pihak saya/kami urusan niaga, transaksi perdagangan penjualan *Murabahah* Komoditi dengan Bank dari semasa ke semasa dengan Harga Jual *Murabahah* sesuai dengan Syarat dan Ketentuan Khusus untuk Deposit Bertempoh Berasaskan Komoditi *Murabahah* (digunakan untuk Deposit Bertempoh sahaja).